

SULIT

1103/2

**Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos 2016
2 ½ jam**

NO KAD PENGENALAN

								-						
--	--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2016**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
 4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 1 :Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan-kelebihan menabung bagi golongan remaja dan cara-cara untuk menarik minat golongan remaja menabung**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman ini mempunyai masa yang amat terhad dengan keluarga terutamanya dengan anak-anak. Oleh sebab itu, tidak hairanlah rata-rata ibu bapa pada hari ini memanjakan anak-anak mereka dengan wang ringgit. Mereka menganggap bahawa cara itu sebagai tanda kasih sayang mereka terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, tindakan ini lama-kelamaan akan menyebabkan golongan remaja ini lupa diri. Walaupun ibu bapa mempunyai harta yang banyak dan dapat digunakan pada bila-bila masa tanpa had, perkara itu bukan alasan bagi remaja untuk bersikap boros dan tidak mengendahkan amalan menabung yang dapat dijadikan sebagai simpanan masa depan.

Amalan menabung ini juga dapat mendidik golongan remaja agar berjimat cermat tatkala tangan mereka memegang wang yang banyak. Selain itu, amalan ini juga dapat mendidik golongan remaja untuk merancang perbelanjaan dengan bijak. Sikap beringat-ingat semasa senang mampu mengelakkan golongan remaja daripada menghadapi masalah kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana duit simpanan amat penting terutamanya untuk digunakan pada masa-masa kecemasan. Sebagai contoh, simpanan tersebut boleh digunakan untuk menggantikan barang-barang keperluan yang rosak atau hilang terutamanya bagi remaja yang menuntut di kolej atau tinggal di asrama yang jauh daripada keluarga.

Remaja yang gemar menabung dapat *meringankan beban* ibu bapa kerana duit simpanan mereka dapat digunakan untuk melanjutkan pelajaran. Dengan cara ini, remaja dapat berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kos belajar di institusi pengajian tinggi agak mahal. Walaupun kerajaan menyediakan bantuan pinjaman atau biasiswa, remaja tetap perlu menyediakan sejumlah wang yang mencecah ribuan ringgit semasa pendaftaran dan sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya seseorang itu mempunyai wang tabungan, mereka dapat mengurangkan beban hutang pendidikan yang terpaksa ditanggung selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

Amalan menabung dalam kalangan remaja dapat membentuk golongan remaja yang berdisiplin dan bermaruah. Mereka dapat menilai keperluan hidup dengan bijak supaya tidak melepasi batas keperluan sehingga berlaku pembaziran. Remaja yang terdidik dengan sikap berjimat cermat dan suka menabung pula akan memperoleh pulangan yang lumayan sekiranya mereka memilih untuk menabung dengan institusi perbankan konvensional yang mengamalkan kadar faedah tetap ataupun sistem perbankan Islam berdasarkan kaedah perkongsian untung dan beberapa syarat lain mengikut syariat Islam. Mereka juga boleh melabur wang dalam saham amanah yang banyak terdapat di negara kita. Pengurusan kredit secara berhemah ini membantu golongan remaja mencapai ketenangan minda.

Natijahnya, menabung merupakan amalan mulia yang perlu dijadikan budaya hidup dan dipraktikkan. Perspektif negatif seperti biar papa asal bergaya perlu diubah agar setiap individu mempunyai visi untuk keluar daripada belenggu kehidupan yang begitu mencabar. Semua pihak perlu berganding bahu bagai aur dengan tebing bagi memastikan obligasi

[Lihat Sebelah

SULIT

terhadap amalan menabung terus subur dalam diari ekonomi setiap individu agar kemakmuran diri dan negara dapat dikekalkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya Menabung Masih Rendah'
Oleh Mohd. Khairul Mohd. Ali,
Utusan Malaysia, 22 April 2015

Soalan 2 :Pemahaman

[35markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *meringankan beban*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa kaedah menabung yang menguntungkan golongan remaja.

Nyatakan kaedah-kaedah tersebut. [3 markah]

(iii) Alasan bergaji kecil dan tidak mencukupi dalam perbelanjaan seharian sering kali menjadi isu yang diperkatakan oleh pekerja untuk tidak menabung.

Jelaskan alasan-alasan lain yang dikemukakan oleh seseorang yang tidak mahu menabung. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(b) –Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di hadapan pagar estet, Ahmad Mutawakkil berjalan lesu. Sudah tiga tahun banglo dan estet itu menjadi tempatnya menumpang nasib. Akhirnya, khabar tentang serangan Jepun mengakhiri kisah pergaulannya dengan keluarga Tuan Booth.

Malam itu, selepas solat isyak, Imam Ngah Deraman bergegas meninggalkan surau dan esoknya, kami mendapat tahu dia pergi mencari Ahmad Mutawakkil. Budak itu dibawa ke rumahnya. Sejak itu, dalam kesulitan hidup zaman Jepun, Ahmad Mutawakkil menjadi anak angkatnya. Cuma kekerapan budak itu menghilang, lama-kelamaan diterima Imam Ngah Deraman sebagai satu kebiasaan.

“Aku tak sangka budak tu pandai menulis. Anak Orang Putih tu ajar dia banyak benda. Dia juga pandai cakap Orang Putih,” kata Imam Ngah Deraman.

Di surau, terutama pada malam hari, di hadapan Penghulu Ibrahim Sigap, Imam Ngah Deraman menyampaikan apa-apa sahaja berita yang dikhabarkan Ahmad Mutawakkil.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’ oleh
Zainal Rashid Ahmad
Dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Apakah yang berlaku kepada Ahmad Mutawakkil semasa penduduk kampung menghadapi kesulitan hidup pada zaman Jepun? [2 markah]
- (ii) Selain bercakap dalam bahasa Melayu, Ahmad Mutawakkil juga pandai berbahasa Inggeris.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedahnya jika kita menguasai lebih daripada satu bahasa? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, “Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba *peliharakan baik-baik*, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencera hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud *peliharakan baik-baik*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan jawapan Tun Perak terhadap pertanyaan Seri Amerta. [3markah]
- (iii) Andaikan anda baginda sultan, apakah tindakan sesuai yang boleh diambil jika rakyat mengadukan pelbagai masalah kepada anda. [3 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku Membaca Lagi

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpalan mega
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

RAZALI MOHD YUSSOF

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Dewan Bahasa dan Pustaka

[Lihat Sebelah
SULIT

- (i) Berikan gambaran suasana alam yang mewarnai kehidupan manusia dalam sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada **rangkap terakhir**, penyair turut berasa sedih atas kemunduran bahasa Melayu.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah berkesan untuk memantapkan lagi kedaulatan bahasa Melayu? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) dedikasi
- (ii) delegasi
- (iii) demokrasi
- (iv) demonstrasi
- (v) deklamasi
- (vi) definisi

[6 markah]

b) **Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).**

- (i) Kebudayaan nasional lambang identiti negara.
- (ii) Basikal merah itu untuk abang saya.
- (iii) Hutan sekitarnya segar-bugar bagaikan hamparan hijau.
- (iv) Beberapa orang pakar bedah yang terkenal itu sedang melakukan pembedahan tersebut.
- (v) Menara yang tinggi itu memang cantik reka bentuknya.
- (vi) Atlet-atlet yang akan ke luar negara untuk Sukan Olimpik sedang menjalani latihan di Kompleks Sukan Negara.

[6 markah]

[Lihat Sebelah

SULIT

c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Encik Othman telah membawakan keluarganya untuk menikmati keenakan mi goreng dan murtabak ayam di kedai itu.
- (ii) Yang di-Pertuan Agung telah mencemar duli untuk menyempurnakan majlis perletakan batu asas masjid baharu di kampung itu.
- (iii) Perdana Menteri telah menitipkan ucapan balasungkawa kepada keluarga mangsa tanah runtuh yang hilang ahli keluarga mereka.

[6 markah]

d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kajian yang Jabatan Pertanian jalankan telah berjaya mengeluarkan baka pokok yang bermutu tinggi.
- (ii) Untuk memastikan yang produktiviti syarikat mereka bertambah, Encik Hasnan berjanji memberikan bonus sebagai intensif kepada para pekerjanya.
- (iii) Lukisan-lukisan yang bergayut pada dinding itu menarik perhatian para pengunjung-pengunjung.

[6 markah]

e) *Berdasarkan peribahasa di bawah, nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

- i) di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung
- ii) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- iii) genggam bara api biar sampai jadi arang

[6 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut;

- i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Setiap novel mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan sebab-sebab novel tersebut dianggap istimewa dan boleh menarik minat para pembaca. [7 markah]

(b) Tulis **sinopsis** sebuah novel yang telah anda pelajari. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT